

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

SENI BERORGANISASI

(BAHAGIAN 2)

¹Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar, ²Mohaini Mohamad @ Naba & ³Wan Ahmad Khusairi Wan Chek

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

²Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

³Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

PRESTASI KERJA

Di dalam sesebuah bahagian kecil organisasi, terdapat beberapa orang middle managers atau pengurus pertengahan yang menguruskan kelompok kecil unit masing-masing dan kemudiannya secara kolektif akan menyumbang kepada pencapaian organisasi secara keseluruhan. Semua pengurus pertengahan ini mempunyai Penunjuk Prestasi Utama atau lebih dikenali sebagai akronim KPI yang merujuk kepada ungkapan bahasa Inggeris Key Performance Indicator masing-masing mengikut keperluan dan matlamat organisasi. Adakalanya pencapaian setiap satu unit ini tidak wajar dibandingkan secara apple to apple. Pasti terdapat perbezaan dari sudut fokus, nature, pendekatan serta kaedah pelaksanaan dan strategi unit masing-masing. Menjadi satu kewajaran jika sesebuah unit dilihat secara individu terlebih dahulu sebelum dipadukan bersama unit lain untuk menjadi satu pencapaian kolektif bagi satu bahagian. Di sini barulah terlihat sinergi manakala pencapaian yang ditunjukkan pasti akan lebih besar. Ada juga unit yang mungkin tidak dapat mencapai 100 peratus sasaran yang telah ditetapkan di awal tahun. Namun, ia bukanlah sesuatu yang buruk. Pasti ada titik penting di

sepanjang perancangan yang perlu disemak dan ditambah baik di masa hadapan. Bagi unit yang berjaya mencapai sasaran, mereka boleh memikirkan sasaran yang lebih mencabar di masa akan datang. Bahkan ada ketikanya, pencapaian di unit A contohnya memberikan merit, pengiktirafan atau penarafan kepada pencapaian unit B. Apa yang penting di sini, setiap pengurus pertengahan perlu saling menyokong dan menguatkan bukan saling membanding atau menjatuhkan.

Setiap unit kecil juga adakalanya akan berkongsi pelbagai sumber. Contohnya, sumber manusia seperti kerani atau pembantu operasi dan sumber peralatan serta perkakasan seperti mesin pencetak atau alatan pejabat. Segala sumber ini adalah penting dalam membantu mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan. Justeru, segala sumber ini perlu digunakannya secara berhemah dan bertoleransi. Elakkan dari mendominasi sumber ini kerana semua ahli berhak untuk sama-sama mendapat manfaat daripada sumber yang disediakan oleh organisasi.

AURA POSITIF

Kebiasaannya, kita menghabiskan masa sekitar 8-10 jam sehari di pejabat bermula di waktu pagi sehinggalah ke lewat petang. Rakan-rakan di pejabat merupakan kelompok yang kita kerap berhubung dan berurusan. Oleh yang demikian, hubungan ini perlu dijaga dengan baik agar keharmonian dapat diwujudkan. Sebarang rasa ketidakselesaan atau elemen negatif yang mungkin ada dalam lingkungan pejabat perlu diperbaiki kerana perkara sebegini sebenarnya akan mempengaruhi prestasi dan motivasi kita. Meskipun tidak berpunca daripada diri kita sendiri, tetapi mungkin ia bermula daripada rakan sekerja yang lain. Oleh itu, kita sendiri perlu berusaha agar suasana kondusif dan positif wujud di persekitaran kerja termasuklah menjaga silaturahim dengan bertanya khabar perihal kerja mahupun keluarga rakan-rakan. Berkomunikasilah dengan baik dan teratur bagi mengelakkan salah faham dan salah sangka. Banyakkan bertanya dari membuat andaian sendiri agar tiada ketegangan berlaku. Kita juga perlulah untuk sentiasa bersangka baik dengan rakan sekerja. Mereka juga adalah manusia yang mempunyai kekurangan dan kelemahan. Lebih wajar untuk kita membantu dari terus menerus merasa terbeban dengan kekurangan mereka kerana kebaikan nanti akan kita rasai juga. Tidak ada yang merugikan malahan memberikan impak yang baik kepada diri kita sebagai individu dan seterusnya juga kepada organisasi.

KITA SEBAGAI SATU SAF

Kita semua saling memerlukan walau berada di gred jawatan yang tinggi mahupun rendah kerana organisasi kita wujud daripada pelbagai lapisan. Setiap daripada kita mempunyai peluang dan

ruang yang sama untuk masing-masing menyumbangkan tenaga, idea dan manfaat. Mungkin di platform dan dalam bentuk yang berbeza namun, percayalah semuanya memberikan merit kepada perkembangan organisasi. Jangan sesekali kita meremehkan pandangan orang lain sebaliknya, hargailah agar mereka merasa diraikan dan terus bermotivasi untuk menyumbang. Jangan mengamalkan sikap pilih kasih walaupun diakui sebagai manusia, ada ketikanya kita mempunyai preferences tertentu. Cubalah berlaku adil dan bersifat neutral. Semua ahli di dalam organisasi sebenarnya membentuk satu saf yang sentiasa dikukuhkan dengan semangat dan toleransi. Jika diberi ruang dan peluang, semua ahli organisasi berupaya untuk memacu kehebatan masing-masing demi mencapai matlamat organisasi.

PENUTUP

Para penulis tidak berkesempatan untuk merangkumkan setiap satu seni dalam berorganisasi kerana ia merupakan satu cabang ilmu yang luas, pelbagai dan sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Apa yang tidak berubah adalah soal tanggungjawab dan amanah yang diletakkan di bahu kita meskipun cara kerja dan beban tugas adalah berbeza. Justeru, para penulis menyarankan agar kita sentiasa meletakkan kepentingan organisasi di tempat yang sewajarnya dan berusaha sehabis baik dalam menyempurnakan tugas kita.



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com